

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM OLEH PERDANA MENTERI JEPUN ENCIK  
YASUHIRO NAKASONE

TEMPAT: KEDIAMAN RASMI PERDANA MENTERI JEPUN, DI TOKYO

TARIKH: 24 JAN 1983

MASA:

Tuan Yang Terutama,  
Encik Yasuhiro Nakasone;  
Puan Nakasone;  
Tuan Yang Terutama-Tuan Yang Terutama;  
Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati  
sekelian.

Bagi pihak isteri saya dan ahli-ahli rombongan, ingin saya rakamkan rasa sukacita kami dapat melawat negara Jepun, dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama, Kerajaan dan rakyat Jepun atas sambutan mesra dan meriah sejak ketibaan kami di sini. Saya juga mengucapkan terima kasih di atas majlis jamuan yang diadakan ini, dan juga di atas kata-kata aluan Tuan Yang Terutama sebentar tadi.

2. Tuan Yang Terutama, saya amat menghargai kesudian Tuan Yang Terutama menerima kunjungan saya ini, walaupun dalam suasana kesibukan setelah baru sahaja dilantik memegang jawatan tertinggi sebagai Presiden Parti Liberal Demokratik dan sebagai Perdana Menteri. Saya sedar bahawa Tuan Yang Terutama perlu menumpukan banyak perhatian kepada soal-soal dalam negeri dan juga isu-isu antarabangsa. Saya yakin, sebagai seorang tokoh berkalibar dan dedikasi, yang cergas selama 37 tahun dalam berbagai lapangan, Tuan Yang Terutama pasti dapat memikul tugas dan tanggungjawab yang berat ini dengan jayanya.

3. Pagi ini kita telah berpeluang bertukar-tukar fikiran mengenai beberapa perkara. Saya merasa sukacita bahawa kita mempunyai hasrat yang sama, iaitu supaya perhubungan antara negara kita, yang mana kini adalah erat dan mesra, dapat dipertingkatkan dan diperluaskan lagi demi faedah bersama.

4. Malaysia dan Jepun kerap mengadakan perbincangan, dan kedua-dua negara sentiasa berkerjasama rapat dalam bidang ekonomi dan politik di peringkat hubungan dua-hala, wilayah dan antarabangsa. Dalam konteks hubungan dua-hala, saya menyanjung tinggi bantuan yang telah diberikan terhadap usaha-usaha pembangunan Malaysia. Saya amat gembira di dalam perbincangan kita pada pagi ini, Tuan Yang Terutama telah menunjukkan kesediaan dan keikhlasan untuk terus membantu kami di masa-masa hadapan. Di peringkat wilayah, Malaysia, sebagai salah sebuah negara anggota ASEAN, telah memperolehi beberapa faedah daripada kerjasama ASEAN-Jepun. Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia menghargai peranan

aktif yang dimainkan oleh Jepun dalam dialog Utara-Selatan, dan juga sokongan Jepun terhadap aspirasi negara-negara membangun untuk membawa perubahan kepada asas sistem perhubungan ekonomi antarabangsa yang wujud, yang tidak lagi sesuai dan juga tidak adil.

Tuan Yang Terutama,

5. Jepun merupakan rakan perdagangan Malaysia yang terbesar. Jumlah dagangan tahunan antara kedua-dua negara telah meningkat lebih dari US\$5.3 ribu juta, dan jumlah ini dijangka akan terus meningkat. Negara Jepun juga merupakan penyumbang pelaburan asing yang terbesar bagi Malaysia. Hakikat bahawa negara Jepun bekerjasama erat dengan Malaysia dalam program perindustriannya adalah amat membanggakan. Saya yakin, kedua-dua negara memperolehi faedah daripada kerjasama ini. Oleh itu kami sentiasa mengalu-alukan lebih banyak lagi pelaburan dari Jepun.

6. Perindustrian memerlukan pasaran bagi barang-barang yang dikeluarkan. Jepun boleh, dan harus membantu membuka pasarannya kepada lebih banyak barang-barang buatan dari Malaysia dan juga lain-lain negara membangun amnya. Ini merupakan satu masalah. Dengan hubungan antara Jepun dan Malaysia yang semakin meningkat, kita tidak dapat mengelakkan diri daripada masalah yang mungkin timbul dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, saya yakin, rasa persefahaman akan membolehkan kita menyelesaikan apa-apa jua masalah dengan baiknya.

Tuan Yang Terutama,

7. Suasana ekonomi antarabangsa yang wujud sekarang sesungguhnya merupakan yang paling genting pernah dialami sejak zaman kemelesetan tahun 1930an. Semua negara di dunia merasai kesan buruk kemelesetan sekarang ini. Negara-negara yang menerima kesan yang paling buruk ialah negara-negara membangun yang mana Malaysia juga tidak terkecuali. Antara kesan kemelesetan ialah harga komoditi telah jatuh menjunam; Malaysia, sebagai pengeluar utama beberapa jenis bahan mentah penting seperti getah, timah, minyak sawit dan balak, telah mengalami kesan yang buruk akibat hasil eksport yang begitu rendah. Justeru itu, projek-projek pembangunan Malaysia juga terjejas. Dalam konteks inilah kami memerlukan kerjasama dan persefahaman sahabat-sahabat untuk membantu kami mengurangkan kesan kejatuhan pendapatan agar projek-projek pembangunan dapat diteruskan, dan justeru itu menjamin kestabilan ekonomi dan politik dan seterusnya menyumbangkan kepada kestabilan dan keamanan rantau ini.

8. Negara Jepun adalah salah sebuah negara yang termaju di dunia. Ia adalah negara yang kedua besarnya di kalangan Dunia Bebas yang menyumbangkan 10 peratus daripada pengeluaran ekonomi dunia. Ia berjaya di mana ramai yang lain telah gagal. Walaupun dalam suasana kemelesetan ekonomi yang berpanjangan, Jepun telah dapat mencatat kadar pertumbuhan Keluaran Negara Kasar yang menarik perhatian

negara-negara maju yang lain yang mana di antaranya mencatat pertumbuhan negatif. Kejayaan Jepun ini adalah disebabkan oleh sikap positif rakyat Jepun terhadap kerja mereka, iaitu dorongan komitmen dan kesanggupan mereka untuk berusaha. Itulah sebabnya saya telah menggesa rakyat Malaysia untuk "Memandang ke Timur" dan mempelajari dari Jepun. Mungkin kerana penentuan sejarah, selama ini kami sentiasa memandang ke Barat. Kini, kami ingin mencapai tahap perhubungan yang seimbang antara Barat dengan Timur. Sebenarnya bukanlah tahap kekayaan material dan kemajuan teknologi Jepun semata-mata yang kami cita-citakan. Gesaan saya ialah supaya bangsa Malaysia mencontohi rakyat Jepun dari segi sikap dan ethika kerja, dan sistem pengurusan yang saya percaya menjadi faktor utama dalam pembangunan dan perindustrian Jepun yang pesat.

9. Selaras dengan ini Malaysia telah membuat keputusan, dan ingin menghantar lebih ramai penuntut ke Jepun untuk belajar di institusi-institusi pelajaran tinggi di negara Jepun dan untuk menghantar pelatih-pelatih untuk bekerja sambil belajar di dalam organisasi-organisasi perusahaan Jepun di mana mereka dengan sendirinya dapat melihat dan mendapat dorongan dari sikap dan ethika kerja Jepun. Dalam bulan September yang lepas, kumpulan pertama pelatih telah tiba di Jepun, dan lebih ramai lagi akan dihantar kemudian. Tentu sekali program ini tidak mungkin berjaya tanpa sokongan dan kerjasama penuh daripada berbagai pihak di negara Jepun yang mana kami amat berterima kasih dan terhutang budi. Dalam hal ini, kami harap negara Jepun akan terus memberi kerjasama di masa hadapan. Faedah daripada kerjasama ini bukan sahaja dinikmati oleh kami, tetapi juga oleh negara Jepun, kerana dengan kerjasama ini akan meletakkan satu asas yang kukuh bagi perhubungan yang lebih bererti dan berpanjangan antara kedua-dua negara dan rakyat kita.

Tuan Yang Terutama,

10. Hasrat Malaysia ialah untuk memperbaiki mutu kehidupan rakyatnya. Kami boleh mencapai matlamat ini dengan lebih cepat jika sumber-sumber yang ada pada kami dapat digunakan dengan produktif. Oleh sebab itu, kami ingin melihat suasana di rantau Asia Tenggara pulih semula menjadi aman dan stabil supaya kami dapat menumpukan segala perhatian kepada usaha-usaha pembangunan, dan dengan cara demikian meningkatkan ketahanan kami. Malaysia dan rakan-rakannya dalam ASEAN telah menekan dan menjelaskan bahawa kami tidak dapat, dan tidak boleh menerima campur-tangan tentera asing di Kampuchea atau di mana-mana jua sebagai satu cara menyelesaikan masalah. Pendudukan kuasa asing yang berterusan di Kampuchea telah menarik penglibatan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara dan menjejaskan keamanan dan kestabilan rantau ini, dan sesungguhnya ini mengancam keamanan dan keselamatan dunia. Isu Kampuchea mestilah diselesaikan dengan secepat mungkin selaras dengan Pengisytiharan Persidangan Antarabangsa Mengenai Kampuchea dan ketetapan-ketetapan lain oleh Bangsa-Bangsa Bersatu yang

relevan yang telah diterima dan disokong oleh masyarakat antarabangsa. Dengan perkataan lain, pencabulan ke atas kedaulatan dan kehormatan wilayah Kampuchea mestilah dihentikan melalui pengunduran penuh semua pasukan tentera asing, dan rakyat Kampuchea diberi hak dan kebebasan menentukan masa depan mereka sendiri. Malaysia mengalu-alukan penubuhan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea di bawah pimpinan Putera Norodom Sihanouk sebagai satu langkah positif ke arah penyelesaian masalah Kampuchea secara aman. Kami amat terhutang budi kepada Jepun di atas sokongannya yang berterusan dalam hal ini. Kami harap negara Jepun akan melakukan apa-apa jua usaha yang patut untuk membantu Kerajaan Campuran Putera Sihanouk supaya keamanan dan kestabilan dapat dipulihkan semula di wilayah kami dan memungkinkan hasrat kami untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai Rantau Aman, Bebas dan Berkecuali menjadi kenyataan.

Tuan Yang Terutama, dan Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Sekarang saya menjemput tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk bersama-sama saya mengucapkan selamat kepada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Yasuhiro Nakasone dan Puan Nakasone, dan kepada persahabatan yang erat antara Kerajaan dan rakyat Malaysia dan Jepun.